

# PM yakin China tingkatkan pelaburan di Malaysia

UM-31/10/2006

**NANNING** 30 Okt. - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yakin China akan meningkatkan pelaburannya di Malaysia berdasarkan komitmen kerajaan negara itu, selain aliran minat yang ditunjukkan oleh para usahawannya.

Menurut Perdana Menteri, maklum balas yang diterima dalam kunjungannya ke China kali ini menampakkan petunjuk yang memberangsangkan termasuk hasil pertemuan dengan Perdana Menteri China, Wen Jiabao.

"Saya yakin pelaburan China ke Malaysia akan meningkat," katanya kepada wartawan

Malaysia selepas mengadakan pertemuan dua hala dengan rakan sejawatannya itu, di sini hari ini.

Abdullah berkata, pada masa ini, kegiatan ekonomi antara kedua-dua negara rancak dan dijangka berkembang pesat.

Malaysia juga, katanya, gembira dengan pencapaian hubungan dua hala dengan China dan berharap ia akan lebih kukuh dan menyeluruh melibatkan hubungan rakyat.

Dalam hubungan ini, Abdullah sekali lagi menegaskan bahawa Malaysia tidak menganggap kemajuan China sebagai ancaman.

"Sebaliknya kita melihat ia dengan penuh

peluang yang boleh dimanfaatkan untuk kepentingan bersama," katanya.

Menurut Perdana Menteri, pertemuan beliau dengan Wen Jiabao berlangsung dalam suasana mesra. Turut hadir dalam pertemuan itu ialah Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar dan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz.

"Perbincangan yang diadakan juga substantif dengan menilai perkembangan serta pencapaian hubungan dua hala," katanya.

Abdullah turut mengadakan pertemuan dua hala dengan Presiden Filipina, Gloria Arroyo dan kedua-dua pemimpin itu berbin-

cang isu-isu kepentingan bersama termasuk perkembangan di Mindanao.

Dalam perbincangan itu, Arroyo melahirkan penghargaan atas peranan penting Malaysia yang turut menghantar pasukan pemantau ke selatan Filipina dan penglibatan Malaysia sebagai mediator bagi mencari penyelesaian dalam membantu memulihkan keamanan di wilayah berkenaan.

Perdana Menteri juga menerima kunjungan hormat Gabenor Wilayah Yunnan, Xu Rongkai dan Gabenor Wilayah Guangxi Zhuang, Lu Bing.